

RISALAH DARURAT: PENYEBARAN KEGIATAN KOMUNIS KEPADA PENDUDUK DI TANAH MELAYU, 1948-1960+

Ho Hui Ling*

Abstrak

Ancaman komunis kepada ketenteraman awam dan keselamatan di Tanah Melayu telah mengakibatkan pentadbiran British mengisytiharkan darurat. Pada zaman darurat (1948-1960), pihak pentadbiran merancang dan menjalankan pelbagai strategi untuk memerangi ancaman komunis. Kegiatan komunis pada zaman darurat telah mendatangkan kebimbangan, kesusahan dan kerugian kepada penduduk serta pentadbiran. Bagi menyedarkan penduduk tentang kegiatan kejahatan yang dilakukan oleh komunis, pihak kerajaan melalui Jabatan Perhubungan Raya (kemudian dikenali Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu) telah menerbitkan dan menyebarkan Risalah Darurat (*Emergency Leaflets*). Kajian ini dijalankan dengan meneliti dan menganalisis sampel Risalah Darurat yang dikumpul dari Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan cawangannya. Daripada kajian, penyebaran Risalah Darurat adalah bertujuan bagi menarik sokongan dan kerjasama penduduk kepada usaha pihak pentadbiran dalam memerangi komunis. Melalui itu, penduduk dapat mengetahui kegiatan keganasan dan kejahatan komunis yang mengancam kestabilan hidup mereka. Ini kerana Risalah Darurat selain memaparkan maklumat tentang bahaya kegiatan keganasan komunis, pihak pentadbiran turut menyeru penduduk supaya tidak membantu komunis dan memberi kerjasama kepada kerajaan. Justeru, penyebaran risalah kepada orang awam dapat membantu pihak pentadbiran dalam menangani ancaman komunis di negeri-negeri Melayu kerana risalah mendukung mesej dan harapan pihak pentadbiran terhadap penduduk tempatan. Risalah juga menyebarkan kegiatan dan tujuan sebenar perjuangan komunis di Tanah Melayu supaya penduduk dapat menolak untuk memberi bantuan kepada komunis.

Kata Kunci dan Frasa: Risalah Darurat, komunis, zaman darurat, pentadbiran British, Tanah Melayu.

+ Penyelidikan dibiayai oleh Geran Penyelidikan Fakulti (GPF) 2020 (GPF034B-2020), Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

* Dr. Ho Hui Ling adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pengenalan

Masalah Komunis telah dihadapi oleh Tanah Melayu sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Gerakan komunis berkembang sehingga menjadi ancaman keselamatan utama yang dihadapi oleh pentadbiran British di Tanah Melayu selepas zaman pendudukan Jepun. Pada ketika itu, komunis mengubah strategi perjuangan ke arah kekerasan dan keganasan atau dikenali sebagai gerakan bersenjata. Gerakan komunis bermula di negeri-negeri Melayu sejak awal tahun 1920-an dan mencapai kemuncak pada Jun 1948 apabila Tanah Melayu diisytiharkan memasuki zaman darurat. Perisytiharan darurat dilakukan oleh pihak pentadbiran British supaya pihaknya boleh mengatur dan menjalankan langkah-langkah yang berkesan bagi menghapuskan komunis. Zaman darurat di Tanah Melayu bermula dari 18 Jun 1948 sehingga 31 Julai 1960. Pada ketika itu, komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM) merupakan ancaman utama kepada kestabilan pentadbiran, keamanan masyarakat dan juga keselamatan negara. Justeru, ancaman ini perlu ditangani dengan segera oleh pihak pentadbiran British yang berkuasa di Tanah Melayu pada ketika itu.

Dalam usaha kerajaan memerangi komunis ini, Risalah Darurat yang diedarkan oleh pihak pentadbiran memainkan peranan yang penting supaya kegiatan komunis dapat diketahui oleh penduduk tempatan. Risalah ini dikenali sebagai Risalah Darurat atau *Emergency Leaflets* yang bersesuaian dengan penyebarannya oleh pihak pentadbiran pada zaman darurat. Dalam hal ini, Jabatan Perhubungan Raya (ditubuhkan pada tahun 1946) yang kemudian dikenali sebagai Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu (mulai tahun 1950) dengan berpusat di Kuala Lumpur telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan dan mencetak Risalah Darurat. Jabatan seterusnya menyebarkan Risalah Darurat kepada penduduk tempatan melalui kerjasama daripada pihak keselamatan, jabatan kerajaan lain, pemimpin serta ketua masyarakat tempatan. Umumnya terdapat dua bentuk Risalah Darurat yang diedarkan kepada penduduk iaitu risalah dalam bentuk tulisan sahaja dan risalah dengan gambar (termasuk lakaran kartun) berserta tulisan. Risalah Darurat dicetak menggunakan tulisan Cina, Melayu (Jawi) dan Tamil supaya semua kaum dapat membaca dan memahami mesej yang disampaikan oleh kerajaan. Dalam Risalah ini, kebiasaannya komunis dirujuk sebagai “pengganas” atau “penjahat” (“terrorist” atau “bandit”) oleh pihak pentadbiran. Penyebaran Risalah yang disertakan lakaran kartun adalah penting kerana maklumat tentang kegiatan komunis perlu juga disampaikan kepada penduduk yang tidak berpeluang mendapat pendidikan atau tidak mendapat pendidikan yang banyak. Adalah sukar bagi golongan ini untuk memahami mesej yang ingin disampaikan oleh pihak pentadbiran melalui risalah bertulis. Selain itu, penyebaran Risalah Darurat yang turut dimuatkan lakaran kartun juga dapat meningkatkan minat dan seterusnya menarik perhatian penduduk untuk membacanya. Dengan itu, mesej pihak pentadbiran dapat disampaikan kepada kumpulan sasar dengan mudah. Umumnya dalam Risalah jenis ini, pihak pentadbiran mengingatkan penduduk tentang kejahatan dan kekejaman yang dilakukan oleh komunis sambil menasihati penduduk menjauhkan diri daripada komunis. Pada masa yang sama, pihak pentadbiran turut menyeru penduduk memberi kerjasama dalam membanteras komunis supaya keamanan negara dapat dipulihkan dengan secepat mungkin. Untuk itu, artikel ini akan mengetengahkan beberapa sampel contoh Risalah Darurat yang diedarkan oleh pihak kerajaan kepada orang awam untuk memberitahu dan mengingatkan mereka tentang kegiatan kejahatan serta keganasan yang dilakukan oleh komunis di Tanah Melayu pada zaman darurat.

Gerakan Komunis dan Zaman Darurat

Pengaruh komunis mula disebarikan kepada penduduk di Tanah Melayu pada awal 1920-an. Pada peringkat awal komunis tidak melakukan gerakan secara kekerasan dan keganasan tetapi menyebarkan pengaruh melalui beberapa saluran seperti cawangan Kuomintang (KMT), penerbitan, sekolah Cina, pertubuhan dan kesatuan sekerja. Pada April 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan yang bermatlamatkan penubuhan sebuah republik komunis di Tanah Melayu. Pada ketika itu, selain menyebarkan pengaruh kepada pelajar melalui sekolah, komunis mempergiatkan usaha untuk menguasai golongan buruh. Untuk itu, komunis berusaha menguasai kesatuan sekerja dan menghasut pekerja melakukan mogok kerja supaya timbulnya keadaan huru-hara yang boleh mengganggu kestabilan ekonomi negara serta ekonomi British. Komunis juga berusaha dalam menyebarkan pengaruh dan menjalin hubungan dengan penduduk khususnya orang Cina melalui penganjuran gerakan anti-Jepun ketika Perang China-Jepun meletus di China pada tahun 1937. Komunis mempergunakan semangat melawan Jepun yang berbangkit dalam kalangan orang Cina ketika mempertahankan China daripada pencerobohan Jepun untuk meraih kepercayaan mereka kepada komunis.

Apabila tentera Jepun berjaya menakluki dan menduduki Tanah Melayu pada tahun 1941, komunis melalui kerjasama dengan British telah menubuhkan *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) yang bertujuan untuk menentang dan menghalau Jepun dari Tanah Melayu. MPAJA dibahagikan kepada lapan rejimen iaitu *First Independent Regiment* berpusat di Selangor, *Second Independent Regiment* di Negeri Sembilan, *Third Independent Regiment* di Utara Johor, *Fourth Independent Regiment* di Selatan Johor, *Fifth Independent Regiment* di Perak, *Sixth Independent Regiment* di Barat Pahang, *Seventh Independent Regiment* Pahang Timur dan *Eight Independent Regiment* di Kedah. Dalam persetujuan kerjasama yang tercapai antara PKM dengan British, PKM membekalkan rekrut untuk mendapat latihan daripada British. Manakala British menyediakan latihan ketenteraan, bantuan senjata, bekalan lojistik, kewangan, maklumat dan perubatan kepada komunis. MPAJA telah dapat memenangi sokongan penduduk terutamanya orang Cina kepada gerakan komunis di negeri-negeri Melayu. Orang Cina memberi bantuan dari segi bahan makanan, wang, maklumat dan rekrut kepada MPAJA untuk menentang Jepun. Ini kerana orang Cina pada ketika itu melihat MPAJA yang merupakan tulang belakang PKM adalah ditubuhkan bagi melindungi mereka daripada kekejaman Jepun. Di sinilah hubungan antara komunis dengan orang Cina mula terjalin dengan baiknya.

Apabila Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945, MPAJA pun keluar dari tempat persembunyian mereka di dalam hutan. Seterusnya, mereka melakukan banyak kekacauan

- 1 Maklumat lanjut sila lihat Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004, hlm. 1-3.
- 2 Ibid., hlm. 6-8.
- 3 Keterangan lanjut, lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance & Social Conflict During and After The Japanese Occupation, 1941-1946 (Third Edition)*, Singapore: Singapore University Press, 2003, hlm. 60-61; Ho Hui Ling, "Bintang Tiga dan Darurat di Negeri Selangor: satu Perbincangan Umum", *Malawati*, Jurnal Sejarah Negeri Selangor Darul Ehsan, Bil. 4, 2001, hlm. 34.
- 4 *Handbook To Malaya (Federation of Malaya and The Colony of Singapore) and The Emergency*, Singapore: The Department of Information, Federation of Malaya, Public Relations Office, Singapore and The Regional Information Office, July 1956, hlm. 9; SP. 127/A/1, National Liberation Struggle and The Communist Global Strategy: Their Development and Impact upon Communist Insurgency in Malaysia, hlm. 4.

dan kekejaman ke atas penduduk yang disyaki menjadi tali barut Jepun ketika zaman pendudukan Jepun. Bagaimanapun, memandangkan MPAJA telah melakukan banyak kekacauan, *British Military Administration* (BMA) yang mengambil alih kuasa pentadbiran di Tanah Melayu selepas perang telah bertindak mengharamkan MPAJA pada Disember 1945. Walaupun demikian, PKM tidak dibubarkan dan terus dibiarkan bergerak di negeri-negeri Melayu sehingga kedatangan semula British ke Tanah Melayu. Daripada itu, komunis mula bergerak dengan lebih agresif di negeri-negeri Melayu dalam persaingan dengan penjajah untuk mengukuhkan kedudukan PKM di Tanah Melayu. PKM bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan kiri atau radikal seperti *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA)-Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), *Malayan Democratic Union* (MDU) dan *New Democratic Youth League* (NDYL). Mereka berusaha untuk menggagalkan rancangan politik yang diwujudkan oleh pihak British selepas perang, iaitu rancangan *Malayan Union*. Namun demikian, dengan tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948, PKM menyedari bahawa matlamat mereka telah gagal dan British terus berkuasa di Tanah Melayu.

Selepas zaman pendudukan Jepun, komunis melalui PKM sekali lagi berusaha untuk menguasai golongan buruh di Tanah Melayu. Komunis telah menghasut buruh mengadakan mogok supaya pihak majikan memperbaiki tempat kerja dan menaikkan gaji mereka. Pada tahun 1947 sahaja, lebih 300 tunjuk perasaan dan pemogokan yang melibatkan 69,000 orang buruh berlaku di Tanah Melayu. Pemogokan pekerja telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pihak majikan dan mereka meminta pihak berkuasa British supaya mengawal keadaan di Tanah Melayu. Justeru, pihak kerajaan meluluskan dan memindahkan undang-undang untuk menyekat komunis mempergunakan kesatuan sekerja dalam gerakan mereka. Antaranya, *Trespass Law, Trade Unions Ordinance No. 9 of 1948* yang diluluskan pada 31 Mei 1948 dan *Trade Unions (Amendments No. 2) Ordinance, 1948* dikuatkuasakan pada 12 Jun 1948. *Trespass Law* bertujuan untuk menyekat pemimpin kesatuan sekerja daripada masuk ke tempat kerja untuk berceramah dan berhubung dengan pekerja. *Trade Unions Ordinance No. 9 of 1948* menghadkan penggabungan kesatuan sekerja adalah berdasarkan sektor perniagaan, pekerjaan dan industri yang sama serta memastikan pemimpin dalam kesatuan sekerja tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah seperti pernah terlibat dalam pemerasan dan ugutan. *Trade Unions (Amendments No. 2) Ordinance, 1948* pula dikuatkuasakan untuk menjamin pemimpin kesatuan sekerja adalah terdiri daripada mereka yang sama ada pekerja bergaji di industri berkaitan atau sekurang-kurangnya orang yang mempunyai tiga tahun pengalaman dalam industri berkenaan. Tindakan kerajaan ini telah dapat melemahkan kekuasaan komunis

5 Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960*, hlm. 12-13.

6 N.J. Ryan, *The Making of Modern Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 196; Anthony Short, "Communism and the Emergency", dalam Wang Gungwu (ed.), *Malaysia: A Survey*, London and Dunmow: Pall Mall Press, 1964, hlm. 152; Harry Miller, *Menace in Malaya*, London: George H. Harrap & Co. Ltd, 1954, hlm. 74.

7 *Second Supplement to Federation of Malaya Government Gazette*, Vol. 1, No. 10, 12 June 1948, hlm. 850; *Communist Banditry in Malaya-Extracts From Speeches by The High Commissioner Sir Henry Gurney, K.C.M.G., October 1948 To December 1949*, Kuala Lumpur: Department of Public Relations, Federation of Malaya, t.t., hlm. 2; P.R. 473/48, Amendments to Trade Union Ordinance, F. of M. Ordinances-1948, Jabatan Peguam Negara (Attorney General's Chambers), P/PEG 1, Regulations Made Under The Emergency Regulations Ordinance 1948; Federation of Malaya No. 15 of 1948, Malayan Union and Federal Ordinance and S.S. Enactment 1948; Alex Josey, *Trade Unionism in Malaya*, Singapore: Donald Moore, 1958, hlm. 41-42.

dalam kalangan golongan pekerja dan kesatuan sekerja di Tanah Melayu.

Kegagalan demi kegagalan yang dihadapi oleh PKM untuk menggunakan pertubuhan kiri dan kesatuan sekerja telah mengakibatkan PKM mula mengatur langkah perjuangan yang lebih keras dan ganas. Pada masa yang sama, keputusan PKM untuk menggunakan strategi kekerasan dan keganasan dalam perjuangan mereka turut dipengaruhi oleh persidangan di Calcutta. Pada Februari-Mac 1948, dua persidangan besar dianjurkan oleh *Comintern*, iaitu Persidangan Belia Asia Tenggara di Calcutta (19-25 Februari 1948) dan Persidangan Parti Komunis India di Calcutta pada Mac 1948. Dalam persidangan di Calcutta itu telah disiarkan dasar komunis antarabangsa yang telah dibentangkan oleh ahli teori Soviet, Andrei Zhadnov. Ucapan Zhadnov itu mengandungi pengumuman rasmi bahawa dunia kini terbahagi kepada dua blok, iaitu penjajahan dan anti-penjajahan. Zhadnov menyeru semua parti komunis memimpin gerakan meluaskan pengaruh komunis. Beliau juga menyeru parti komunis, terutama di Timur Jauh untuk membantu Rusia membuka sebuah ‘medan baharu’ di negara-negara sebelah timur. Dalam persidangan tersebut juga, wakil-wakil parti komunis dari negara-negara Asia telah digesa supaya memperhebatkan perjuangan menentang kuasa imperialisme dan golongan reaksioner dalam negara masing-masing.

Persidangan sebegitu telah membangkitkan semangat dalam kalangan negara-negara yang dijajah untuk menentang penjajahan termasuklah Tanah Melayu yang di bawah penjajahan British pada ketika itu. Ini terbukti di mana beberapa bulan selepas persidangan tersebut telah berlaku pemberontakan komunis di beberapa buah negara di Asia Tenggara seperti di Burma pada Mac 1948, Tanah Melayu pada Jun 1948, diikuti oleh Thailand pada Julai 1948, Filipina pada Ogos 1948 dan Indonesia pada September 1948. Di Tanah Melayu, berikutan dengan seruan dan galakan terbuka dalam persidangan tersebut, Jawatankuasa Kerja Pusat PKM dalam perjumpaan pada Mac 1948 telah mengambil keputusan melancarkan pemberontakan bersenjata. Satu lagi mesyuarat telah diadakan oleh Politburo PKM di hutan Pahang Barat pada awal Jun 1948. Mesyuarat tersebut memutuskan bahawa pemberontakan bersenjata perlu dilancarkan dalam usaha PKM untuk membentuk Republik Komunis di Tanah Melayu. Berikutnya, komunis telah bertindak dengan lebih agresif lagi di Tanah Melayu bagi merealisasikan matlamat perjuangan mereka.

Pada 16 Jun 1948, tiga orang peladang Eropah menjadi mangsa keganasan komunis

-
- 8 Malayan Security Service, Political Intelligence Journal No. 2 of 1948, Appendix No. 3, CO537/3751/55400/5, Malaya: Political Developments, Political Intelligence Journals; Paper on Co-ordination of Communist Strategy in South-East Asia, FO371/76004/F10594/1017/61, Co-ordination of Communist Strategy in South-East Asia. Lihat juga “Darurat Diisytiharkan”, dalam *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid II, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1981, hlm. 313.
 - 9 Maklumat lanjut tentang Persidangan di Calcutta, lihat Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, London: Frederick Muller, 1975, hlm. 44-49; Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 21-22; Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis Di Tanah Melayu 1945-48* (terjemahan Haji Zubir Ismail), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 179; *Communism in Malaya and Singapore*, Mac 1971, hlm. 9; J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, Singapore: D. Moore, 1956, hlm. 19.
 - 10 *The Communist Threat to The Federation of Malaya*, Kuala Lumpur: Government Press, 1959, hlm. 1. Lihat juga Survey of Communist Strategy in South East Asia, FO371/69695/F15863G, Survey of Communist Strategy in South East Asia.
 - 11 Towards Self-Government in the Federation of Malaya and in Singapore, M168/79, Miscellanea (Rhodes House Library); Malayan Security Service, Political Intelligence Journal No. 2 of 1948, CO537/3751/55400/5, Malaya Political Developments, Political Intelligence Journals.

di Sungai Siput, Perak. Mangsa yang terlibat ialah Arthur Walker, pengurus Estet Elphil; John Allison dan pembantunya, Ian Christian dari Estet Phin Soon. Berikutnya, Sir Edward Gent selaku Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu mengisytiharkan darurat menerusi kuatkuasa Undang-undang BMA (*Essential Regulations Proclamation*). Bermula pada 18 Jun 1948, seluruh Tanah Melayu diletakkan di bawah kuatkuasa darurat dan selaras itu juga bermulalah apa yang dikenali sebagai zaman darurat di Tanah Melayu. Undang-undang BMA kemudiannya dimansuhkan dan digantikan dengan *Emergency Regulations Ordinance 1948* yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 5 Julai 1948.

Pada zaman darurat, pelbagai kegiatan komunis dilaporkan berlaku di Tanah Melayu. Ini meliputi serangan, pembunuhan, penculikan, sabotaj bom tangan, memeras ugut, merosakkan kemudahan awam dan kemudahan asas, merosakkan pokok getah, bangunan serta peralatan di estet dan lombong. Malahan komunis juga mencabar kekuatan pasukan keselamatan dan menyerang peladang serta pelombong Eropah. Dengan itu, pihak pentadbiran British bertindak merancang dan mengambil pelbagai langkah untuk membanteras komunis demi memelihara keamanan dan kepentingan mereka di Tanah Melayu. Antara langkah yang diambil oleh kerajaan termasuklah menambahkan kekuatan pasukan keselamatan, menguatkuasakan peraturan pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan, memberi ganjaran kepada sesiapa yang dapat memberi maklumat berkaitan komunis, mengadakan Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat, menubuhkan pasukan *Home Guard*, mengadakan kawalan makanan, pemeriksaan kenderaan dan perintah berkurung, menjalankan rancangan penempatan semula, mendirikan *jungle fort* bagi melindungi keselamatan Orang Asli, memperkuatkan kerja perisikan, menekankan perkhidmatan penerangan, memperkenalkan konsep Kawasan Putih, mengadakan Rundingan Baling dengan pihak komunis, mengisytiharkan tawaran penyerahan diri kepada komunis dan banyak lagi. Dalam hal ini, penyediaan dan penyebaran risalah anti-komunis kepada penduduk telah diberikan perhatian dalam langkah kerajaan memerangi ancaman komunis. Kerajaan telah menyerahkan tugas menyediakan, menerbitkan dan mengedarkan risalah ini kepada sebuah jabatan kerajaan iaitu Jabatan Perhubungan Raya yang telah ditubuhkan sejak tahun 1946. Berikutan dengan keadaan darurat di Tanah Melayu dan tugas Jabatan yang semakin berat, nama Jabatan ini telah ditukarkan kepada Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu mulai tahun 1950. Dalam rekod kerajaan kolonial, risalah anti-komunis yang diedarkan kepada penduduk ini dicatatkan sebagai Risalah Darurat (*Emergency Leaflets*). Pada zaman darurat, salah satu fungsi penting Risalah Darurat yang diedarkan oleh kerajaan kepada penduduk adalah untuk menyebarkan berita berkaitan kegiatan kejahatan dan keganasan komunis serta keadaan di Tanah Melayu pada ketika itu kesan daripada perbuatan komunis itu.

-
- 12 Peristiwa ini dilaporkan secara meluas dalam *The Straits Times*, 17 June 1948, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 17 June 1948, hlm. 1; *The Malay Mail*, 17 June 1948, hlm. 3; *Nanyang Siang Pau*, 17 June 1948, hlm. 7; 18 June 1948, hlm. 7. Lihat juga Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For June 1948, CO717/175/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime.
- 13 Federation of Malaya No. 10 of 1948, F.M.S. Ordinances and M.U. Ordinance; *Second Supplement to Federation of Malaya Government Gazette*, Vol. 1, No. 13, 23 July 1948, hlm. 1153; *Fourth Supplement to Federation of Malaya Government Gazette*, 1 July 1948, hlm. 961-965; Extract From "The Straits Budget", Singapore, June 24, 1948, CO717/168/52849/5/Pt. II, Law and Order, Miscellaneous Correspondence; Cipher Telegram, 19 June 1948, CO717/169/52849/8/Pt. I, Law and Order, Military Situation, FARELF Sitreps; CO717/175, Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For June 1948.

Penyebaran Kegiatan Komunis Kepada Penduduk Melalui Risalah Darurat

Secara umumnya Risalah Darurat yang disebar oleh pihak kerajaan kepada penduduk pada zaman darurat antaranya adalah bertujuan untuk memberi maklumat tentang kegiatan komunis yang mengancam ketenteraman hidup mereka. Langkah ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan ingatan kepada penduduk tentang kejahatan serta keganasan yang dilakukan oleh komunis yang mendatangkan pelbagai gangguan dan kesusahan dalam kehidupan mereka. Dengan itu, penduduk tidak akan mudah terpengaruh dan tidak akan menerima komunis. Keadaan itu boleh menyebabkan komunis menghadapi pelbagai kesukaran dalam gerakan mereka seperti tiadanya bantuan makanan, keperluan hidup dan rekrut daripada penduduk. Dengan demikian, gerakan komunis menjadi bertambah sukar. Sebaliknya keadaan ini dapat memudahkan pihak pentadbiran untuk membanteras mereka. Justeru, penyebaran kegiatan kejahatan komunis kepada penduduk melalui Risalah Darurat merupakan langkah penting pihak pentadbiran British dalam memerangi ancaman komunis pada zaman darurat.

Antara kegiatan yang dilakukan oleh komunis pada zaman darurat ialah membakar kampung penduduk dan menyebabkan penduduk kehilangan tempat tinggal serta harta benda mereka. Antaranya, pada pagi 26 Julai 1948, setengah daripada Kampung Pantai Remis, daerah Sitiawan, Perak telah musnah dibakar oleh komunis dan menyebabkan lebih daripada 500 orang pekerja kehilangan tempat tinggal. Memandangkan itu, maklumat tentang kegiatan komunis di Kampung Simpang Tiga ini telah disebar oleh pihak pentadbiran kepada penduduk Tanah Melayu melalui Risalah No. 350 dalam tulisan Cina bertemakan “Maksud Komunisme di Tanah Melayu - Memusnahkan Rumah Kediaman Pekerja di Kampung Simpang Tiga” (Lampiran 1) yang dicetak oleh Jabatan Perhubungan Raya. Dalam Risalah Darurat itu telah dimuatkan maklumat tentang perbuatan komunis membakar rumah pekerja yang dibina daripada wang hasil titik peluh mereka di Kampung Simpang Tiga. Risalah berkenaan kemudian diedarkan untuk makluman penduduk seluruh Tanah Melayu tentang kegiatan komunis yang membinasakan tempat kediaman penduduk dan mengganggu kehidupan mereka. Pada masa yang sama, dalam risalah itu juga pihak pentadbiran menyeru penduduk menyalurkan maklumat tentang komunis kepada balai polis dengan segera supaya komunis dapat dihapuskan dan penduduk dapat hidup dengan aman sentosa. Melalui Risalah ini jelas dapat dilihat ia berperanan sebagai perhubung antara pihak pentadbiran dengan penduduk di mana pihak pentadbiran dapat mendedahkan kepada penduduk tentang “maksud sebenar komunisme di Tanah Melayu” dan pada masa yang sama menyeru serta menasihati penduduk untuk menyampaikan sebarang maklumat berkaitan komunis kepada balai polis yang berdekatan demi mengelakkan kejadian seperti ini berulang lagi. Secara tidak langsung risalah ini turut memaparkan propaganda pihak pentadbiran agar penduduk membantu mereka dalam memerangi ancaman komunis iaitu melalui penyaluran maklumat tentang komunis kepada pihak berkuasa. Dengan itu, pihak kerajaan boleh mengatur langkah yang sesuai dan berkesan untuk menghapuskan komunis dan memulihkan ketenteraman hidup penduduk.

Pada 7 Mac 1950, komunis melepaskan tembakan ke atas penduduk di kawasan

14 *The Straits Times*, 27 July 1948, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 27 July 1948, hlm. 1 dan 8. Lihat juga Cipher Telegram, 2 August 1948, CO825/66/1/55217/8/1, FARELF Reports on Internal Conditions.

Kepong, Selangor yang sedang menonton wayang dalam sebuah khemah. Dalam kejadian itu, lima orang penduduk terbunuh dan 12 orang cedera. Mangsa yang terbunuh termasuk dua orang kanak-kanak lelaki bangsa Cina berusia 11 tahun masing-masing dan seorang lagi kanak-kanak lelaki berumur 5 tahun. Lima orang kanak-kanak perempuan mengalami kecederaan. Risalah No. 351 bertajuk “Maksud Komunisme di Tanah Melayu – Membunuh Pekerja dan Anak-anak Mereka” diterbitkan untuk menyebarkan perbuatan kejam komunis itu kepada penduduk dengan dinyatakan “Komunisme disamakan dengan keganasan dan pembunuhan”. Dalam Risalah Darurat turut dimasukkan gambar seorang kanak-kanak terlantar di atas katil hospital untuk menunjukkan perbuatan kejam komunis terhadap penduduk. Risalah ini disediakan dalam tiga jenis tulisan, iaitu Melayu (Jawi) – Risalah No. 351M, tulisan Cina – Risalah No. 351C dan tulisan Tamil – Risalah No. 351T (Lampiran 2). Dalam Risalah yang sama, pihak berkuasa turut meminta penduduk menyampaikan maklumat komunis yang mereka ketahui kepada pihak kerajaan dan bekerjasama dengan pasukan keselamatan demi tanggungjawab untuk melindungi keselamatan anak-anak serta keluarga masing-masing. Penyebaran Risalah Darurat ini dapat sentiasa mengingatkan penduduk tentang kejahatan dan keganasan komunis yang berlaku di sekeliling mereka. Dengan itu, kerajaan mengharapkan penduduk sentiasa bersedia untuk membantu pihak berkuasa dalam menghapuskan komunis.

Selain itu, komunis juga melakukan sabotaj bom tangan terhadap penduduk pada zaman darurat. Kegiatan komunis itu mendatangkan kebimbangan dan penderitaan kepada penduduk. Pada 9 Julai 1950, komunis telah melakukan sabotaj bom tangan di sebuah kampung di negeri Perak. Komunis melontarkan sebutir bom tangan ke dalam sebuah tempat tinggal penduduk di kawasan berkenaan. Kegiatan komunis itu menyebabkan seorang lelaki Cina mati dan empat yang lain cedera termasuklah seorang wanita. Berikutannya, maklumat tentang kegiatan jahat komunis tersebut telah dimuatkan dalam Risalah bernombor 389: “Maksud Komunisme di Tanah Melayu - Menyerang Kampung Anda” (Lampiran 3) dan diedarkan oleh pihak pentadbiran kepada penduduk. Dalam risalah berkenaan, pihak pentadbiran turut menyeru penduduk membekalkan maklumat tentang komunis kepada pihak berkuasa supaya dapat melindungi keselamatan keluarga dan anak-anak mereka serta dapat mengelakkan kegiatan kekejaman komunis berlaku di kampung mereka. Penduduk juga diminta bekerjasama dengan pasukan keselamatan dalam mempertahankan serangan yang dilakukan oleh komunis. Selaras itu, penduduk diminta menyalurkan maklumat tentang komunis dan juga maklumat mereka yang membantu komunis kepada alamat peti surat No. 5000. Pada masa yang sama, sebagai satu galakan kepada pemberi maklumat tentang komunis kepada pihak pentadbiran, maka pemberi maklumat itu akan mendapat ganjaran daripada pihak berkuasa. Penerangan kerajaan tentang kegiatan komunis itu turut dibantu oleh lakaran kartun dalam Risalah Darurat berkenaan yang dapat memudahkan pemahaman semua penduduk. Dengan itu, jelas bahawa risalah digunakan sebagai strategi pihak pentadbiran British dalam memenangi keyakinan dan kerjasama penduduk supaya penduduk tidak menerima komunis tetapi sebaliknya membantu pihak keselamatan dalam memerangi komunis.

Sementara itu, berikutan kejadian komunis menyerang rumah anak yatim di Serendah, membakar dan memusnahkan bangunan rumah anak yatim serta membunuh penyeliannya, kerajaan menyebarkan Risalah bernombor 348 bertemakan “Maksud

Komunisme di Tanah Melayu – Menyerang Rumah Anak Yatim Miskin”. Risalah Darurat ini disediakan dalam tiga jenis tulisan, iaitu tulisan Melayu (Jawi) – Risalah No. 348M, tulisan Cina – Risalah No. 348C dan tulisan Tamil – Risalah No. 348T (Lampiran 4). Dalam Risalah Darurat berkenaan, “penjahat” komunis itu juga disamakan dengan “pengganas” dan “pembunuh” oleh pihak kerajaan untuk mengingatkan penduduk tentang perjuangan sebenar komunis di Tanah Melayu. Dalam Risalah itu turut dimasukkan dua keping gambar iaitu gambar anak-anak berwajah gembira di hadapan Serendah Boys’ School dan gambar bangunan sekolah yang rosak kerana perbuatan komunis. Gambar seperti ini dapat menambahkan kemarahan dan kekecewaan penduduk terhadap perbuatan komunis. Melalui risalah ini kerajaan mendedahkan kepada orang ramai tentang perbuatan jahat komunis yang menyebabkan anak-anak yatim kehilangan tempat berteduh. Dengan itu, penduduk dapat mengetahui kegiatan komunis yang sebenarnya di Tanah Melayu yang mendatangkan kesusahan dan bukan untuk melindungi mereka. Mesej kerajaan yang ingin disampaikan kepada penduduk dalam Risalah ini adalah “Pemikiran komunis adalah pemikiran dahsyat dan pemikiran kejam. Keamanan tidak akan wujud selagi pengganasan komunis tidak ditamatkan. Pemberian maklumat dengan segera untuk menyelamatkan penduduk yang tidak berdosa. Pemberi maklumat boleh mendapat ganjaran dan mewujudkan keamanan. Membantulah menamatkan perbuatan jahat komunis baharulah kehidupan penduduk yang aman dapat wujud.” Dengan itu, pihak kerajaan berharap penduduk berbilang kaum dapat memberi kerjasama dan membantu pasukan keselamatan untuk memerangi komunis.

Pada zaman darurat, komunis juga melakukan ugutan terhadap penduduk setempat bagi mendapat wang, makanan dan keperluan hidup supaya komunis boleh meneruskan gerakan di negeri-negeri Melayu. Perbuatan memeras ugut sering dilakukan oleh komunis untuk mengancam penduduk agar memberi bantuan kepada mereka. Bantuan daripada penduduk adalah penting untuk membolehkan komunis meneruskan gerakan di Tanah Melayu. Antaranya, komunis telah mengugut petani menyerahkan wang hasil titik peluh mereka. Wang adalah salah satu sumber penting kepada komunis untuk membolehkan mereka meneruskan kegiatan di Tanah Melayu bagi mencapai matlamat perjuangan iaitu menubuhkan republik komunis Malaya. Memandangkan itu, maklumat mengenai kegiatan komunis itu perlu disebar oleh pihak kerajaan kepada penduduk. Ini dapat dilihat melalui Risalah No. 349 “Maksud Komunisme di Tanah Melayu – Memeras Ugut Petani” (Lampiran 5). Risalah ini disediakan dalam tulisan Cina selaras dengan kumpulan sasar yang ditumpukan oleh kerajaan. Dalam Risalah Darurat ini, selain pihak pentadbiran mendedahkan kegiatan kejahatan komunis kepada masyarakat supaya mereka tidak membantu komunis kerana bantuan seperti wang yang diberikan kepada komunis dapat membolehkan komunis meneruskan gerakan mereka di Tanah Melayu. Pada masa yang sama, pihak pentadbiran turut menyeru penduduk supaya membantu kerajaan menghapuskan komunis dengan menyalurkan apa-apa maklumat tentang gerakan komunis yang diketahui oleh mereka kepada pihak berkuasa. Maklumat itu dapat membantu pasukan keselamatan untuk menghapuskan komunis demi menjamin keselamatan penduduk dan memulihkan keamanan negara. Dalam Risalah Darurat ini, lakaran kartun yang disertakan dengan sendiri dapat menjelaskan perbuatan jahat komunis memeras ugut petani.

Begitu juga, Risalah No. 417 yang disebar oleh pihak kerajaan kepada penduduk menunjukkan komunis meminta wang hasil titik peluk daripada penoreh getah (Lampiran 6). Risalah Darurat yang diedarkan ini disediakan dalam tulisan Cina kerana ramai penoreh Cina menjadi sasaran komunis pada ketika itu. Maklumat disampaikan kepada penduduk melalui

lakaran kartun dalam Risalah yang boleh perhatian untuk membacanya. Dalam Risalah Darurat itu, komunis meminta penoreh getah menyediakan wang dan komunis akan datang mengambilnya seminggu selepas itu. Walau bagaimanapun, penoreh berkenaan kemudian telah bertindak dengan bijak dan memberi maklumat tentang kegiatan komunis itu kepada pihak berkuasa dengan menghantar surat kepada alamat No. 5000, Kuala Lumpur. Seminggu kemudian, komunis berkenaan telah kembali semula ke estet bagi mendapatkan wang yang diminta daripada penoreh getah. Bagaimanapun, komunis itu telah ditembak oleh anggota keselamatan yang menunggu di situ ekoran daripada maklumat yang disalurkan oleh penoreh itu kepada pihak kerajaan. Di sini, jelas bahawa mesej utama yang disampaikan melalui Risalah Darurat ini ialah supaya penoreh getah tidak perlu takut kepada ugutan komunis dan menyeru mereka menyalurkan maklumat tentang komunis kepada pihak berkuasa kerana pihaknya akan sedaya upaya melindungi keselamatan mereka. Melalui Risalah Darurat ini kerajaan menyeru penoreh getah memberi kerjasama kepada pihak berkuasa dalam menghapuskan komunis dan memulihkan ketenteraman hidup mereka.

Sementara itu, terdapat juga Risalah Darurat yang disediakan dalam tulisan Melayu (Jawi) dan diedarkan kepada kumpulan sasar iaitu orang Melayu di kampung supaya mereka menjauhkan diri daripada komunis. Risalah No. 354 dalam tulisan Jawi diedarkan oleh pihak kerajaan kepada penduduk Melayu yang terpengaruh atau dipengaruhi lalu menyertai gerakan komunis di Tanah Melayu (Lampiran 7). Dalam Risalah ini, pihak kerajaan mendedahkan kejahatan-kejahatan yang dilakukan oleh komunis terhadap penduduk seperti menyerang, membunuh dan merompak penduduk. Kegiatan komunis ini telah mendatangkan kesusahan, penderitaan dan mengorbankan nyawa ramai orang awam yang tidak berdosa. Sambil itu, pihak kerajaan menyeru penduduk yang sesat itu supaya menyerah diri kepada kerajaan. Kerajaan berharap mereka yang tersesat atau terpengaruh dengan komunis itu supaya sedar dan meninggalkan kegiatan komunis. Risalah No. 55 (Lampiran 8) dalam tulisan Jawi pula diedarkan adalah bertujuan untuk mengingatkan penduduk Melayu bahawa kerajaan tidak akan dapat menghapuskan keganasan komunis selagi mereka masih membayar wang perlindungan kepada komunis. Justeru itu, melalui Risalah Darurat ini kerajaan memaklumkan kepada penduduk tentang tindakan keras akan diambil kepada sesiapa yang didapati membayar wang perlindungan kepada komunis. Kerajaan akan menahan sesiapa yang didapati memberi wang perlindungan kepada komunis. Bagi rakyat asing yang berbuat demikian pula, pihak kerajaan akan menghantar mereka balik ke negara asal masing-masing. Schubungan itu juga, kerajaan menasihati penduduk supaya bekerjasama dengan pihak berkuasa dan melaporkan maklumat tentang tindakan pembayaran wang perlindungan kepada komunis dengan menghantar surat ke alamat Peti Surat No. 5000 di Kuala Lumpur. Pemberian bantuan wang kepada komunis sering berlaku pada awal zaman darurat kerana penduduk diugut dan dipaksa untuk berbuat demikian. Ini kerana bantuan kewangan adalah sangat penting untuk membolehkan komunis meneruskan kegiatan mereka di negeri-negeri Melayu. Justeru Risalah Darurat ini diedarkan bagi menyedarkan penduduk tentang perbuatan komunis tersebut supaya penduduk menolak untuk memberi bantuan kepada mereka.

Mensabotaj kemudahan asas juga adalah antara kegiatan yang kerap dilakukan oleh komunis pada zaman darurat. Ini kerana komunis sedar bahawa kepincangan kemudahan tersebut dapat mengurangkan sokongan dan keyakinan penduduk terhadap pihak pentadbiran. Keadaan itu seterusnya dapat menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk tempatan terhadap ketidakupayaan pihak berkuasa dalam memelihara kemudahan hidup

mereka. Dengan itu, komunis dapat menggunakan peluang dan alasan ini untuk memenangi sokongan penduduk terhadap perjuangan mereka. Bagaimanapun, kegiatan komunis itu mendatangkan kesusahan dan gangguan kepada kehidupan penduduk. Maklumat kegiatan komunis itu telah disebarkan oleh pihak pentadbiran kepada penduduk supaya mereka sedar tentang kejahatan komunis yang cuba mengganggu gugat kehidupan harian mereka. Maklumat ini dimuatkan dalam risalah yang diedarkan kepada penduduk. Melalui itu, pihak pentadbiran berharap penduduk dapat memberi kerjasama dengan menyalurkan sebarang maklumat tentang komunis supaya gerakan komunis dapat ditangani dan keamanan negara dapat dipulihkan dengan lebih cepat.

Antara kemudahan asas yang menjadi sasaran sabotaj komunis pada zaman darurat pembekalan air paip. Kemudahan ini kerap dirosakkan oleh komunis dan mendatangkan kesulitan kepada kehidupan penduduk di kawasan yang terbabit. Penduduk terpaksa bergantung kepada air hujan, air sungai atau air perigi untuk kegunaan harian sebelum paip dibaiki. Ini mengakibatkan mereka terdedah kepada bahaya jangkitan penyakit kerana air yang kurang bersih akan menjejaskan keadaan kesihatan penduduk. Tindakan komunis merosakkan keperluan orang ramai itu telah mendatangkan kesusahan dan kemarahan penduduk kerana aktiviti harian mereka terganggu. Kejadian komunis itu telah dilaporkan berlaku di banyak tempat di negeri-negeri Melayu. Di Kajang, Selangor, misalnya, telah berlaku beberapa kali dimana bekalan air di kawasan itu terganggu kerana perbuatan komunis. Antaranya, paip air sepanjang lebih kurang dua batu di Kajang telah dirosakkan oleh komunis pada 23 Ogos 1949. Untuk menyedarkan dan mengingatkan penduduk tentang kegiatan komunis merosakkan kemudahan bekalan air dan mendatangkan kesusahan kepada mereka, Risalah No. 259 dalam tulisan Cina bertajuk “Pengganasan Komunis Merosakkan Bekalan Air Paip di Kajang” disediakan dan diedarkan kepada penduduk oleh pihak pentadbiran (Lampiran 9). Melalui Risalah Darurat ini, pihak kerajaan berharap penduduk yang sedar tentang kejahatan komunis itu tidak akan membantu komunis dan sebaliknya memberi kerjasama kepada pihak pentadbiran untuk membanteras komunis dan mengembalikan kehidupan normal mereka. Di bahagian atas Risalah ini adalah mesej, ingatan berserta nasihat pihak kerajaan kepada penduduk manakala lakaran kartun di bahagian bawah Risalah pula menjelaskan perbuatan komunis merosakkan paip air. Risalah Darurat seperti ini mudah untuk difahami oleh penduduk selaras dengan kegiatan komunis yang sering berlaku pada ketika itu.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, penyebaran Risalah Darurat merupakan antara usaha penting yang diambil oleh pihak kerajaan dalam memerangi ancaman komunis pada zaman darurat. Langkah ini bertujuan untuk memberi maklumat, kesedaran, nasihat dan ingatan kepada penduduk tentang kejahatan serta keganasan yang dilakukan oleh komunis yang mendatangkan pelbagai gangguan dan kesusahan dalam kehidupan penduduk. Dengan itu, penduduk tidak akan mudah terpengaruh dan tidak akan menerima komunis. Di sebaliknya, langkah kerajaan ini boleh menyebabkan komunis menghadapi pelbagai masalah dalam gerakan mereka

16 Inward Telegram, 27 August 1949, Report For Week Ending Midday 25th August 1949, CO717/173/52849/11/1, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation.

seperti tiadanya bantuan makanan, keperluan hidup dan rekrut daripada penduduk. Dengan demikian, gerakan komunis menjadi bertambah sukar dan keadaan ini dapat memudahkan pihak pentadbiran untuk membanteras mereka. Perkara yang mendasari Risalah Darurat adalah selari dengan kegiatan yang dilakukan oleh komunis pada ketika itu. Melalui Risalah yang disediakan dalam tulisan Melayu (Jawi), Cina dan Tamil, maklumat tentang kegiatan kejahatan dan keganasan komunis dapat disampaikan kepada pengetahuan semua lapisan masyarakat dan ke semua kawasan di Tanah Melayu. Melalui mesej yang disampaikan dalam Risalah tersebut turut dapat menimbulkan kesedaran masyarakat tentang tindakan dan kegiatan jahat komunis yang mengganggu kehidupan mereka. Kegiatan komunis itu bukan sahaja mendatangkan pelbagai gangguan, kesusahan dan penderitaan kepada penduduk, malahan turut mewujudkan keadaan ketidaktenteraman masyarakat serta negara. Oleh itu, penduduk digalakkan supaya menyampaikan semua maklumat tentang komunis yang mereka ketahui atau perolehi kepada pihak pentadbiran dan pasukan keselamatan dengan menghantar maklumat ke balai polis berdekatan atau ke alamat peti surat No. 5000, Kuala Lumpur. Sokongan dan kerjasama daripada penduduk ini adalah sangat penting dalam usaha pihak pentadbiran menangani masalah komunis. Ini kerana melalui Risalah Darurat, pihak pentadbiran dapat berhubung dengan penduduknya dan menyalurkan maklumat sebenar perjuangan komunis untuk pengetahuan mereka. Dengan demikian, jelas bahawa Risalah Darurat adalah instrumen komunikasi penting yang digunakan oleh pentadbiran British untuk berhubung dengan masyarakat pada ketika itu. Melalui penyebaran maklumat kegiatan komunis melalui Risalah Darurat juga, pihak pentadbiran dapat memberi keyakinan dan nasihat kepada penduduk supaya jangan takut dan tunduk kepada kejahatan komunis, sebaliknya memberi segala maklumat berkaitan gerakan komunis kepada pihak berkuasa. Dengan adanya maklumat daripada penduduk, usaha pihak keselamatan dalam menghapuskan gerakan komunis dapat dijalankan dengan lebih berkesan, keselamatan nyawa dan harta penduduk dapat dilindungi dan seterusnya keamanan negara dapat dipulihkan semula. Hasil daripada usaha dan komitmen pelbagai pihak termasuk pentadbiran, pasukan keselamatan, pemimpin tempatan dan penduduk bebilang kaum, akhirnya Yang Di-Pertuan Agong dalam majlis pembukaan sidang Parlimen mengisytiharkan darurat di Persekutuan Tanah Melayu berakhir mulai 31 Julai 1960.


Lampiran 1

Risalah No. 350


共產主義在馬來亞的真面目

燒燬工人的房屋

新邦地加村



被共黨匪徒燒燬的新邦地加村



在政府及馬華公會協助之下，已重建起來了。

被共黨匪徒燒燬的工人和農民的房屋，是用終生辛勞地賺來的錢建築的。

迅速的情報，實可以防止新邦地加村的被燒燬。

迅速的情報，可以防止你們的鄉村遭此種災禍。

現在實行供給警局以情報吧。

迅速的情報，可保障你們與你們家人的安全。

供給情報可獲賞金，可帶來安全。

大家應協助消滅共黨匪徒，俾愛好和平的人民得以安居樂業。

No. 350C.—125,000

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Lumpur, Selangor, D.O.K.L. 58/50, Dissemination of Facts and Advice to the Malays in Kampong During The Present Emergency.

Risalah No. 351C

共產主義在馬來亞的真面目 224
屠殺手無寸鐵的工人及其兒女



在雪州甲洞被匪徒所害的女孩。

三月七日晚上，甲洞村民正在一天幕內看電影時，共黨暴徒不分皂白的開槍向他們掃射，被擊殺的無辜人民有五名，受傷者十二名，被擊斃的人中，有二名年十一歲的華童，及一名五歲的華童，五名少女受重傷。

共產主義就是恐怖主義與謀殺主義

匪徒亂殺人。
不要讓這些兇手們侵害你們的鄉村。情報可用以消滅匪徒，你們有保護兒女與家庭的責任。
大家應與保安隊積極合作，以抵抗匪徒的襲擊，加入輔助警察隊。

如果人們肯及早供給關於匪徒活動的情報，受害的甲洞工人們決不致被害的。

迅速情報可救無辜人民的生命。

大家應立即供給情報以消滅匪徒，俾人民得以安居樂業！

2508 No. 351 C-125000

Sumber: CO875/71/6, Anti-Banditry Emergency Leaflets, Malaya.

Risalah No. 351T

மலாயாவில் கம்யூனிஸத்தின்
அட்டுழியங்கள் 223

தற்காப்பில்லாத தொழிலாளர்களும் அவர்கள் குழந்தைகளும் படுகளை
செய்யப்படுகின்றனர்.



(ஸ்காட்) கெப்போங்கில் கொள்ளையர் அட்டுழியத்திற்கு இலக்கான குழந்தை.

மார்க்சு மாதம் 7-ந் தேதி இரவில் ஒரு கூடாரத்தில் கெப்போங் கிராம வாசிகள் சினிமா படம் பார்த்துக்கொண்டிருந்தனர். அது சமயம் கம்யூனிஸ்ட் பயங்கரவாதிகள் அக்கிராம மக்களை கண்மூடித்தனமாய் கூடனர். அதன் பயனாய் நிரபாதிகளான 5 பேர்கள் மாண்டனர். அப்படி மாண்டவர்களில் பதினொரு வயதான இரண்டு சிப்பை பயன்களும் 5 வயதான ஒரு சிசுவுமே இறந்தனர். தான்கு இரம் பெண்களும் படுகாயப்பட்டனர்.

கம்யூனிஸம் என்றால் பயங்கரவாதம், கொலை, என்பதே பொருள்.

கொள்ளையர்கள், மக்களை கண்மூடித்தனமாய் கொல்கின்றனர்.
இக்கொலைபாதகங்கள் உங்கள் கிராமத்தை கொள்ளையடித்து பிழைக்க விடாதீர்கள். தகவல் கொடுத்தால் உடனே அவர்கள் ஒழிக்கப்படுவர்.
உங்கள் குழந்தைகளுக்கும் உங்கள் குடும்பத்திற்கும் செய்யவேண்டிய கடமை உங்களுக்கு உண்டு.
பாதுகாப்புப் படைகளுடன் தீவிரமாய் ஒத்துழைப்பதன்மூலம் கொள்ளையர்களால் தாக்கப்படாது பாதுகாத்துக்கொள்ளுங்கள். உதவி போலீஸ் படையில் சேருங்கள்.
கொள்ளையர்களின் நடமாட்டத்தைப்பற்றி முன்னரே தகவல் கொடுத்திருந்தால் கெப்போங் தொழிலாளர்கள் கொல்லப்படாது காப்பாற்றப்பட்டிருப்பர்.
விரைவில் தகவல் கொடுத்தால் நிரபாதியான மக்கள் கொல்லப்படாது காப்பாற்றப்படுவர்.
தகவல் இப்பொழுதே கொடுங்கள். அமைதியான மக்களின் ஜீவனத்தை பாழடிக்கும் கொள்ளையர்களை ஒழிக்க உதவுங்கள்.

No. 351T-3810


Sumber: CO875/71/6, Anti-Banditry Emergency Leaflets, Malaya.

Lampiran 3

Risalah No. 389

共產主義在馬來亞的真面目

攻擊你們的鄉村




(一) 一九五〇年七月九日晨，一切情形平靜。

(二) 不久，發生爆炸。

(三) 被擄害的無辜人民

一九五〇年七月九日，一名共產匪徒在吡叻某鄉村一帳幕里投進一枚手榴彈，被害者有青年華人一名，其他受傷者四名，包括一名婦女。結果五人遭受扣留。

- 不要讓這些匪徒兇手在你們的鄉村逞兇。
 - 供給情報，政府可消滅他們。
 - 你有保護家庭及子女之責任。
- 你應與保安隊通力合作，預防匪徒的進攻。
- 如有關於匪徒及匪徒幫助者的情報，應投寄郵局信箱五千號(不須寫其他地址，也不須貼郵票)以獲取賞金。




16
No. 389 U 115000

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Lumpur, Selangor, D.O.K.L. 58/50 (A), Dissemination of Facts and Advice to the Malays in Kampong During The Present Emergency.


Lampiran 4

Risalah No. 348M

افاڪه ٿيڻ ڦر بوات اولهه ڪو ميونيسٽي ڊٽانڊا مالايو.
درومه ڪانق ۲ مسڪين ڪنا سرخ



درومه ڪانق ۲ مسڪين ڊسرنده
انق ۲ یتیم یغ مسکین اداله دقلیمارا.



ایله بکس ۲ سبواه باغونن ڊسرنده.

ڦنجاهت ۲ ڪوميونسٽه تله ممبر ڪر رومه دان ممبونه ڦقلولا رومه ڪانق ۲ مسڪين یفتیاد برسنگات.
توان بوله منولغ سقاي ڦر بواتن ۲ ڪجم ڪوميونسٽه ایت دافت دایلقکن.
ڪوميونسٽه ۲ اداله ملاڪوکن ڪڪجامن دان ڦر بونهن.
سلاڪي ڦنجاهت ۲ ڪوميونسٽه بلوم دهافوسکن. تیاداله کیت مندافت امان.
رهیا یغد برتاهو دغن سڪرا میلانکن اورغ ۲ یغ تیاد بردوسا.
دغن مبریتاهو رهیا ۲ ڦنجاهت توان اکن مندافت هدیه دان اورغ رامی اکن ترسلامت.
بتوله اوسها ۲ مشافوسکن ڦنجاهت ۲ ڪوميونسٽه یغ منجهنکن متڦچارین رعیت یغ سوکانکن امان.


No. 348 M—150000.

Sumber: CO875/71/6, Anti-Banditry Emergency Leaflets, Malaya.


Risalah No. 348C

共產主義在馬來亞的真面目

襲擊兒童院



這是雙文丹兒童院一所房屋的殘骸。



雙文丹兒童院
的可憐孤兒復得照顧

共黨匪徒焚燬建築物及殺害手無寸鐵的院長。
你們可以協助防止此種共黨暴行。

共產主義是恐怖主義和謀殺主義。

共黨匪患不結束，就不會有和平。
迅速供給情報，可救活無辜的人民。
供給情報可獲得賞金，可使地方安全。
協助結束共黨徒的威脅，俾使人民有和平
的生活。

No. 348C—125,000

Sumber: CO875/71/6, Anti-Banditry Emergency Leaflets, Malaya.

Risalah No. 348T

மலாயாவில் கம்யூனிஸ்தின் அட்டுழியங்கள்

அனாதைக் குழந்தைகள் விடுதி தாக்கப்பட்டது.



கொள்ளையர்கள் தாக்கி அழித்த செரண்டா
அனாதைக் குழந்தைகள் விடுதி.

செரண்டா சிறுவர்கள் விடுதியில் அனாதைக்
குழந்தைகள் பராமரிக்கப்படுகிறார்கள்.



கம்யூனிஸ்ட் கொள்ளையர்கள் கட்டிடத்தை எரித்து நிராயுதபாணியான குடும்பரிடென்டென்ஸைக் கொன்றனர்.
அத்தகைய கம்யூனிஸ்ட் அக்கிரமத்தை தடுக்க நீங்கள் உதவலாம்.

கம்யூனிஸம் என்றால் பயங்கரவாதம், கொலை, என்பதே பொருள்

கம்யூனிஸ்ட் அட்டுழியம் ஒழியும்வரை சமாதானமே ஏற்படாது.

விரைவில் தகவல் கொடுத்தால் நிரபராதியான மக்கள் கொல்லப்படாது
காப்பாற்றப்படுவார்.

தகவல் கொடுத்தால் இனம் கிடைக்கும், மக்களுக்குப் பாதுகாப்பும்
ஏற்படும்.

அமைதியான மக்களின் ஜீவனத்தைப் பாழடிக்கும் கம்யூனிஸ்டுகளை
ஒழிக்க உதவுங்கள்.

No. 348T-35090.

Lampiran 5

Risalah No. 349

共產主義在馬來亞的真面目

共產主義的意義



就是勒索農民

共黨匪徒破壞工人的生計。

共黨掠奪工人辛苦得來的錢，並企圖破壞人民憑以謀生的工業。

共黨匪徒一日不予以肅清，我們則一日得不到安寧。

迅速供給情報，可救活無辜的人民。


供給情報可得到賞金而且可使地方有治安。

協助消滅共黨匪徒 以免良民受打擊。

Sumber: Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, SUK TR. 62/1950, Dissemination of Facts and Advice During The Present Emergency.

Lampiran 6

Risalah No. 417



Sumber: Pejabat Daerah Kuala Lumpur, Selangor, D.O.K.L. 58/50, Dissemination of Facts and Advice to the Malays in Kampong During The Present Emergency.

Lampiran 7

Risalah No. 354

میرھدیریله سکارغ

کامو دجادیکن فرکاکس اوله فمبونه ۲ یخکجم دالم فرجوبانن هندق مشکانس فکرج ۲ دان
فلادغ ۲ تانه ملایو.

فیکرکنله کروسقن یفدللاگوکن اوله سمسیغ ۲ کومیونیسه کاتس رومه ۲ تمقت کدیامن
فکرج ۲ دسیغق تیک.

فیکرکنله اورغ ۲ یفتیاد بردوسا یفدبونه اوله فنجاهت ۲ دکفوغ وقت مریک، سدغ ملیهت وایغ
کمبر. داننارا اورغ ۲ یتمنجدی مشا فنجاهت ۲ ایت ایاله کانتق ۲ چینا.

فیکرکنله اورغ ۲ یفتیاد بردوسا یفدبونه اوله تالییارت ۲ فنجاهت ددالم فرتنجوقکن سرکیس
دغیرق. فرمقوان ۲ یغ حامیل دان کانتق ۲ تله ماتی دسیکن اوله فنجاهت ۲ ایت.

فیکرکنله فرواتن سمسیغ ۲ کومیونیسه ممبونه اورغ دغن ممبایی بوت سهاج، منیبق کریتا ۲ اهی
یغ ممباوا فکرج ۲، میامون واغ سیمقانن فکرج ۲، منجوب هندق مروسقن متقنچارین
فکرج ۲، فندودق ۲ تانهملایو تیدق اکن ملوفاکن سرلغن ۲ فنجاهت کاتس مریک دان
انق استری مریک.

کامو دجادیکن فرکاکس اوله فمبونه ۲ یخکجم.

فیکرکنله سکارغ کمان مریک هندق ممباوا کامو. سمآد کامو تله ماسوق کمقوان مریک کران
مریک تله ممقسا کامو اتو فون کران مریک تله میستن کامو دغن چاکف ۲ "دیموقراسی"
کامو تاهو فرکارا یقسبنرن.

مغافکه کامو ماهو ماتی دالم کهینان دان منچمرکن نام قوم کلوارک کامو؟

مغافکه کامو ماهو ماتی مشیکوت فرنته فمبونه ۲ جنایه ایت؟ لبه درفد 400,000 اورغ فندودق ۲ نکری
این تله مناورکن خدمت مریک دغن سوکر یلاهندق مقها فوسکن فمبونه ۲ این.

شرط ۲ میرهدیری یفدتاورکن اوله کراجان ایت ماسیه تربوک لاگنی.

کلوارله میرهدیری سلوم ترلیوات ساعت ماسن.

فیلپهله جان یقبرانی. لاریله منچاری کسلامتن.

مغافکه کامو ماهو ماتی دغن اهلی ۲ جنایه؟

No 354 M — 35000

Sumber: CO875/71/6, Anti-Banditry Emergency Leaflets, Malaya.

Lampiran 8

Risalah No. 55

NO. 55

کراچا عن مٹھیل انگریز یخ کریس کشد سیاق یخ مہار
وغ فر لیند و غن کشد فنجاہت ۲

35 اورغ ہرتاون دملای، موربان جوہر تلہ دتغوش مہارو این اولہ کراچا عن کرن تلہ
مہار واغ فر لیند و غن کشد فنجاہت ۲. ستغوش دتغوش مریکیت کای دان اد یخ مہاری کتو ۲۱ بٹسٹ
سمتجوق دتغوش ایت، تیک اورغ دتغوش تلہ مٹھا کو مہار واغ فر لیند و غن ایت.
قتغوش مریک این منجوقتن کراچا عن این مٹھیل لٹک ۲ یغ کریس کشد مریک یخ مہار
واغ فر لیند و غن کشد فنجاہت ۲ ایت.

ملہ درقد ۱۸ نومبر ۱۹۴۸ لائی دھولوتیان فسورہجای تیغوشی تلہ مہاری امارن کشد
فندودق تانہ ملا یو ۲ ایت فاسوقتن ۲ کسلا من تیار بولہ مٹھا فوسکن فنجاہت ۲ دغن
سترا ملہ باقی اورغ مہار واغ فر لیند و غن کشد فنجاہت ۲. مریک ایت، کتات لائی بوکن
سماج ملٹگر اوندغ ۲ تاتی مریک الیغ مہارکن برکتفجاشن فنجاہت ۲ ایت مہر دیری
مریک سنڈیری.

سمتجوق ایت اورغ رای تلہ شجوقیت نصحت توان فسورہجای تیغوشی ایت دان تلہ بکر جسام
دغن کراچا عن دان تیار دھولوتی مہار واغ فر لیند و غن کشد فنجاہت ۲. تاتی اد
جوک اورغ یخ تیار مقرر لیکن امارن ۲ توان فسورہجای تیغوشی ایت دان تروس جوک
مہار واغ فر لیند و غن ایت این لمبت بائمت دکھوی جوک اولہ فو لیس، جک داقت
دتغوش مریک این دتاہن سفرت مریک یخ 35 اورغ ہرتاون ایت دان جاک مریک بٹسٹ
داتغ مریک این دھنہ بالی کتکین ماسیخ ۲.

رعیت یخ طاعت ۲ کشد اورغ ۲ یخ کتا اوکوت ایلوقلم مہاری تھو کشد مان ۲
فکاوی کراچا عن اٹو فو لیس اٹو ہنہ تلہ سورت ۲ کشد فتی سورت مہار 5,000 کوالالمفور
سٹای دیری مریک سلامت، دان جوک ایتولہ کواچیشن تیغوش اورغ یخ طاعت کشد
اوندغ ۲ مریک یخ اٹک بریوت دتکین ادالہ ملٹگر اوندغ ۲.

سما دتوان ۲ ایت اٹو تیدق نصحت این تر فو لغلمہ کشد توات ۲. لیری تاتی
جک تیدق توان ۲ ایت اٹو تیدق اٹو تیدق اٹو تیدق مزلخ توان ۲.

فجانت فر ہوشن رای،
فر سکتوان ۲۱ ملا یو،
تکوالالمفور.

Sumber: Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, S.S. Johore No. 441/49, Issue of Facts and
Advice to Malays in Kampongs Under Present Emergency Period.

Lampiran 9

Risalah 259

共黨暴徒 解放加影自來水

匪徒打擊人民的生活，這又是一個例子。這是共產黨徒所謂「解放」的一個例子。

日本人雖然兇惡，但沒有像匪徒破壞人民的食水。


保安隊必然嚴肅共黨匪徒，以解除愛好和平的人民生活上的威脅。

你可以供給情報，俾保安隊為你消除匪徒所給予你生活上的打擊。

你可如此協助保安隊

- (一) 留心觀察任何可疑的事物。
- (二) 如果有意外發生，應立即報告附近的警局，或任何方便的地方。
- (三) 如聽聞關於匪徒的行動的謠言，應立即報告附近警局，或任何方便的地方。
- (四) 投函吉隆坡郵局信箱五〇〇〇號。
- (五) 防止歹徒或無知的人播送反對政府的謠言及閒話。
- (六) 服從保安隊的命令，隨時隨地幫助他們。

當你挑水回家的時候，想想這話。



共黨暴徒 解放加影自來水管

No. 259

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Lumpur, Selangor, D.O.K.L. 58/50, Dissemination of Facts and Advice to the Malays in Kampong During The Present Emergency.